

19 JUN 1999

Abdullah-Umno (Kroni)

SENARAI SAHAM BUKTI TUDUHAN PEMBANGKANG PALSU

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Umno hari ini mengeluarkan senarai penerima saham khas dan projek Kementerian Kewangan semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim menerajui kementerian itu bagi membolehkan rakyat membuat interpretasi sendiri berhubung tuduhan kronisme dan nepotisme terhadap beberapa orang pemimpin negara.

Timbalan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi berkata keputusan untuk mengumumkan senarai pada Perhimpunan Agung Umno, yang memasuki hari ketiga hari ini, menunjukkan ketelusan kerajaan.

"Inilah ketelusan yang rakyat nak tahu. Rakyat nak tahu apa jadi," kata beliau kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai senarai itu yang dipamerkan di ruang legar Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra, tempat berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno.

Mengikut senarai itu, antara penerima saham ialah beberapa orang anggota keluarga bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu ayah beliau, Datuk Ibrahim Abdul Rahman dan adiknya Marzukhi.

Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti, berkata bahawa sebelum ini, pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap beberapa pemimpin termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin kononnya mereka memberi kontrak dan saham kepada kroni mereka.

Beliau berkata senarai itu akan membuktikan bahawa tuduhan-tuduhan tersebut tidak benar.

Abdullah berkata banyak tuduhan yang dilemparkan terhadap pemimpin negara sehingga orang yang tidak bersalah dituduh melakukan kesalahan.

"Sekarang tengoklah dan buat interpretasi masing-masing," katanya.

Senarai itu mengandungi pemberian saham khas dan projek penswastaan dari tahun 1993 hingga 1998, iaitu ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan sebelum dilucutkan jawatan pada 2 Sept 1998.

Anwar dilantik sebagai Menteri Kewangan pada 15 Mac 1991 dan Timbalan Perdana Menteri pada 1993. Beliau dilucutkan daripada kedua-dua jawatan itu pada 2 September 1998 dan dipecat dari Umno sehari kemudian, dan kini menjalani hukuman penjara enam tahun setelah didapati bersalah melakukan rasuah menyalahgunakan kedudukannya.

Senarai bertajuk "Senarai Saham Khas Bumiputera Yang Diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan dari tahun 1993 hingga 1998" itu dibahagikan kepada dua.

Yang pertama melibatkan senarai saham manakala senarai kedua melibatkan projek penswastaan dengan tajuk kecil "Pemberian Projek Penswastaan kepada Penyokong-penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui Unit Perancangan Ekonomi".

Senarai kedua itu pula dibahagikan kepada perjanjian yang ditandatangani sehingga 15 Jun 1999 dan perjanjian yang belum ditandatangani.

Dalam senarai perjanjian yang ditandatangani sehingga 15 Jun 1999 itu, sebanyak 18 projek diberi kepada syarikat yang mempunyai penyokong Anwar antara pemegang saham utama.

Mereka termasuk bekas Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang Rahim Ghouse yang merupakan seorang pemegang saham utama Syarikat Express Rail Link Sdn Berhad yang diberikan projek Express Rail Link bernilai RM2.4 bilion.

Senarai yang sama juga pernah dipamerkan pada Perhimpunan Agung Umno tahun lepas.

Keputusan untuk mengeluarkan senarai itu tahun lepas dan tahun ini adalah berikutan kenyataan Ketua Pemuda Umno ketika itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi dengan lantang menuduh kerajaan mengamalkan nepotisme, kronisme dan lain-lain.

Zahid membuat kenyataan itu setelah diarah oleh Anwar.

Semalam, Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya pada perasmian perhimpunan agung Umno, berkata kenyataan Zahid itu merupakan percubaan bekas timbalan presiden Umno itu untuk menjatuhkan pucuk pimpinan dalam usahanya mengambil alih tampuk kepimpinan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata usaha itu gagal kerana sidang perwakilan ke pada perhimpunan agung Umno lepas jelas memberi kepercayaan kepadanya selaku Presiden parti yang menyebabkan beliau tidak undur.

Dr Mahathir berkata harapan Anwar ialah dengan ekonomi menjadi lebih teruk dan kerajaan disalahkan oleh rakyat, terutama perhimpunan agung Umno pada tahun 1998, maka Presiden parti akan undur.

--BERNAMA

ES MAI